

Dari Koleksi Persendirian Za'ba

Diperkenalkan oleh
ADNAN HAJI NAWANG*

ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD (1895—1973) adalah salah seorang tokoh cendekiawan Melayu yang terkenal dalam sejarah Malaysia moden. Walaupun sebahagian besar masyarakat Malaysia kini tidak dapat mengenali peribadi, apatah lagi perjuangannya, namun bagi mereka yang pernah mengikuti sejarah perkembangan serta kemajuan bahasa, sastera, kebudayaan, pelajaran, agama, sosial, ekonomi dan politik tanahair sejak dari awal abad ke-20 hingga 1960-an, sudah tentulah nama beliau bukan asing bagi mereka. Ini adalah kerana Za'ba merupakan seorang pemikir, sarjana dan intelektual yang dihormati masyarakat.

Za'ba banyak menghabiskan masa, tenaga dan pemikirannya untuk memberi pandangan dan manganalisis berbagai masalah yang dihadapi oleh bangsanya sepanjang lebih daripada lima puluh tahun. Segala khazanah pemikiran Za'ba ini masih tersimpan dengan baik di dalam ratusan rencana yang diterbitkan di dalam berbagai akhbar dan majalah serta di dalam berpuluh buah bukunya sendiri.

Za'ba adalah seorang tokoh yang sangat berminat menulis hinggakan apa saja jenis kertas yang boleh didapatinya, termasuk sampul surat yang sudah terpakai masih digunakan untuk menulis deraf rencana, surat atau apa-apa saja catatan yang dirasakan perlu untuk dicatatkan. Anehnya beliau tidak suka menggunakan dairi. Dari sebilangan kecil dairinya yang ditinggalkan dalam Surat Persendirian Za'ba di Arkib Negara Malaysia, didapati halamannya banyak yang terbiar kosong sahaja.

Apa yang dapat diperhatikan dari khazanah tinggalan Za'ba dalam Surat Persendirianya itu ialah dia adalah di antara sebilangan kecil tokoh Melayu yang suka menyimpan segala catatan dan bahan tulisan sama ada yang dihasilkannya sendiri ataupun surat yang dikirimkan kepadanya. Za'ba menyimpan segala deraf jawapan surat yang dikirimkan kepada orang lain. Begitu jugalah deraf rencananya. Ini bermakna, apabila dia menulis surat misalnya, dia menulis derafnya pada sehelai kertas atau pada bahagian dalam

* Pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

sarung surat terpakai dengan tulisan Jawi, dan selepas disemak dan diperbaiki barulah ditaip atau ditulis tangan pula pada surat yang akan dikirimkan itu. Dengan adanya simpanan seumpama itu, maka tidak hairanlah kenapa terdapat lebih daripada seratus buah kotak berukuran kira-kira 14 x 10 inci dalam simpanan Arkib Negara kini.

Di samping rajin menulis, Za'ba terkenal dengan sifat rajin membaca. Sebenarnya, kedua-dua sifat rajin membaca dan menulis ini tertanam kukuh dalam dirinya sejak dia masih kecil lagi. Hakikat rajin membaca ini tidaklah sukar untuk dibuktikan. Bagi sesiapa saja yang pernah menyemak Koleksi Za'ba di Perpustakaan Universiti Malaya, tentu akan terpegun melihat betapa kebanyakan daripada 3,179 buah buku koleksinya yang dihadiahkan kepada perpustakaan tersebut pada 16 Oktober 1965, mengandungi catatan, komen dan anotasi yang menarik mengenai pendapat yang dikemukakan orang tentang pengarang buku berkenaan.

Sungguhpun Za'ba telah meninggalkan banyak bahan tulisan, tetapi tulisan mengenai dirinya sendiri, iaitu tentang riwayat hidupnya yang lengkap adalah sukar untuk didapati. Beliau mungkin tidak berminat untuk menulis autobiografinya. Namun begitu, dalam sebegitu banyak Surat Persendirian Za'ba itu, terdapat juga sebuah deraf mengenai "Za'ba: Ringkasan Riwayat Hidupnya" yang tercatat sebagai "deraf lanjut" bertarikh 24 Mac 1965 pada jam 8:00 pagi.

"Deraf Lanjut" ini hanya berkisar di sekitar zaman kanak-kanaknya sahaja dan sumbangan kepada usaha ini tidak terdapat di dalam Surat Persendirian Za'ba itu. Satu yang anehnya ialah tulisan ini seolah-olah ditulis oleh orang lain kerana Za'ba menggunakan perkataan "ia", bukannya "saya". Tetapi dari deraf yang diedit ini ternyata tulisan ini adalah hasil karya Za'ba sendiri. "Deraf" ini mungkin dapat memberi manfaat kepada pembaca dari segi mengenali sebahagian daripada hidup Za'ba yang dikisahkan oleh Za'ba sendiri.

Namun begitu, dari khazanah yang sebegitu banyak itu terdapat juga catatan yang mencukupi untuk mana-mana penulis yang berminat untuk menulis biografi Za'ba yang lengkap.

ZA'BA: RINGKASAN RIWAYAT HIDUPNYA

Seorang penulis, ahli fikiran, dan ahli bahasa Melayu, yang tertua dan paling terkenal pada hari ini di seluruh Malaya dan Malaysia. Nama penuhnya Zainal-Abidin bin Ahmad, yang di jadikan huruf potong Z.A.B.A. atau ز.ع.ب.ا dan apabila disatukan huruf Jawinya itu jadi serangkai ز.ع.ب.ا jadilah bunyinya "Za'ba". Maka dengan nama ringkas inilah ia lebih terkenal di mana-mana.

I Tarikh dan tempat diperanankan

Diperanankan di Kampung Bukit Kerdas dekat Batu Kikir dalam Luak datang membuat tempat kediaman dengan bertambah-tambah ramai di

beberapa daerah perdalaman negeri Melaka dan jajahan-jajahan yang telah jadi Negeri Sembilan sekarang, dan juga di daerah-daerah utama Johor, semenjak lebih kurang 500 tahun dahulu lagi, iaitu dari kira-kira pertengahan abad Masihi yang kelima belas. Bapanya pula orang dari Kampung Linggi di jajahan pantai Negeri Sembilan kadar 60 batu dari Batu Kikir. Orang tua ini adalah keturunan dari puak-puak Bugis yang telah membuka Kampung Linggi itu — di tebing Sungai Linggi arah hampir ke Kuala — lebih kurang 200 tahun dahulu, iaitu tatkala masa Daeng Bugis lima beradik yang masyhur itu telah menguasai Riau, Johor, dan Selangor dan telah meluaskan pengaruhnya hingga ke negeri Perak dan Kedah (tahun Masihi 1722).

Kampung Batu Kikir tersebut pada masa beliau diperanakkan itu ialah sebuah kampung yang tidak dikenal orang dan tertinggal dalam gelap. Letaknya di tepi Sungai Jempol, suatu anak sungai yang mengalir ke dalam Sungai Muar dan mengairi seluruh daerah Luhak Jempol sepanjang kira-kira 15 batu. Bandar yang paling dekat dari kampung itu adalah sepuluh batu jauhnya iaitu bandar Kuala Pilah; tetapi belumlah ada jalanraya menyambungkan di antaranya, hanya ada jalan denai melalui dalam hutan-hutan, dan pada setengah-setengah tempat ada "jalan tiga kaki" yang dibuat dan sentiasa dibela oleh kerajaan. Maka begitu jugalah jalan-jalan berhubung di antara Kampung Batu Kikir itu dengan kampung lain-lain berhampiran dengannya. Basikal belum banyak dipakai orang masa itu.

Jalanraya yang ada sekarang menyambungkan Kuala Pilah dengan Batu Kikir dan sampai ke negeri Pahang itu belum ada lagi: jalan ini siap sampai ke Batu Kikir hanya kira-kira tahun 1902. Ada pun jalanraya yang tercabang daripadanya dari Batu Kikir ke Bahau pula — bahkan pekan Bahau sekarang itu pun — kemudian lagi daripada itu diadakan (1908). Sebelum itu Bahau itu adalah didiami oleh orang asli tempat orang-orang kampung pergi mencari ubi, keledak dan keladi. Jalan yang menyambungkan Bahau dengan Temerloh dan Gemas itu pula lagi kemudian diperbuat baharu beberapa tahun ini sahaja!

Jadinya Kampung Bukit Kerdas yang tersebut tadi bersama-sama dengan Kampung Batu Kikir ini yang tidak jauh daripadanya, adalah dikelilingi oleh hutan-hutan yang bersambung dengan hutan besar, dan sentiasa ada harimau dan lain-lain binatang buas dekat-dekat di tepi hutan itu baik siang atau malam. Tetapi harimau-harimau itu tidak mengganggu orang, hanya hidup-hidupannya mereka sahaja sering-sering jadi mangsanya. Za'ba sendiri pada masa kecilnya ada pengalaman beberapa kali melihat harimau itu keluar dari tepi hutan dan beberapa kali telah terlihat harimau menangkap kambing siang-siang hari di tepi belukar ketika emaknya duduk berbual-bual dengan kawan-kawan di serambi!

ia diajar oleh bapanya ilmu kira mengira yang mudah-mudah iaitu campur, tolak, darab dan bahagi, serta sifir darabnya sekali mulai 2 kali mulai 2 kali 2, 3 kali 3, 4 kali 4, hingga 12 kali 12. Yakni tidak dimulakan sifir itu dari 2 kali 1, 3 kali 1, 4 kali 1, 5 kali 1 dan sebagainya, sebab nombor besar memukul kecil demikian sama juga kiranya seperti nombor kecil memukul besar, dan itu sudah ada termasuk dalam sifir yang dahulunya, iaitu 1 kali 2, 2 kali 3, 3 kali 4, 4 kali 5 dan seterusnya.

Orang-orang kampung itu mempunyai kepercayaan yang aneh mengatakan bahawa beberapa keluarga yang tertentu di antara penduduk-penduduk kampung itu apabila salah seorangnya mati mayatnya hidup semula menjadi harimau! Dan lagi harimau-harimau itu, kata mereka, ialah kawasan manusia, selagi ia tidak berbuat jahat jangan dipengapakan. Ia tahu apa yang kita fikirkan terhadap dirinya masing-masing hendak menjahati dia atau sebaliknya! Sampai sekarang pun banyak mereka yang masih percaya demikian itu!

Maka dalam perkelilingan inilah Za'ba yang akan datang itu telah hidup dan besar dalam peliharaan ibu bapanya, sampai masa ibunya meninggal pada tahun 1907. Kehilangan ibunya itu telah melorongkan perubahan-perubahan yang besar bagi masa depan beliau, yang mungkin telah berlaku lain macam pula jikalau sekiranya tidak dengan sebab kehilangan itu dengan segala kejadian-kejadian dan sebab-musabab yang telah terlibat daripadanya.

I Pelajarannya

Beliau telah mendapat pelajaran permulaan di rumah sahaja di bawah didikan bapanya sendiri. Pada masa itu boleh dikatakan bapanya itulah sahaja seorang yang tahu membaca dan menulis Melayu dengan baik dalam kampung itu, serta tahu sebanyak sedikit berkira-kira cara sekolah dan cara sempoa dan biasa membaca surat-surat khabar Melayu seperti ("*Cahaya Pulau Pinang*", "*Taman Pengetahuan*" dan lain-lain surat khabar mingguan atau berselang-selang hari yang diterbitkan masa itu). Sebulan sekali ia pergi ke Kuala Pilah mengambil surat-surat khabar itu yang disampankan oleh Pejabat Pos. Keadaan demikian itu telah berjalan dari umurnya kira-kira lima tahun sehingga 12 tahun (1907). Sebabnya ia tidak dihantar belajar ke sekolah kerana tidak ada sekolah yang kurang daripada tiga batu jauh dari rumahnya, dan jalannya melalui hutan dan sungai-sungai pula.

Pelajarannya di rumah itu selama dua atau tiga tahun yang pertama terkhas tentang mengaji Quran sahaja diajar oleh bapanya sendiri dari umurnya kira-kira lima tahun hingga umurnya kira-kira tujuh tahun setengah. Waktu mengaji iaitu pagi, tengahari (lepas zohor), dan malam antara menghrib dengan 'isha'; lamanya kadar sejam tiap-tiap sekali itu. Pada masa umurnya 7½ tahun ia telah tiga kali khatam dan boleh membaca Quran dengan lancar serta dengan tartil dan tawjwid yang betul.

Setelah itu ia diajar asas-asas pengajaran Islam iaitu rukun-rukun iman dan Islam, bicara sembahyang, puasa dan hukum-hukum beribadat wajib dan syarat mengenai keduanya itu. Sekalian ini ialah dengan mendengar keterangan-keterangan daripada mulut bapanya sahaja dahulu serta menghafal segala bacaan-bacaan niat dan doa-doanya yang dalam bahasa Arab dengan tulisan yang cukup berbaris. Pada masa itu ia masih belum belajar membaca dan menulis Melayu, dan doa-doa itu pun kalau tidak berbaris cukup tidak dapatlah dibacanya kerana tidak mengerti. Selain daripada pelajaran-pelajaran tersebut itu ia dilatih pula melancar surat Berzanji sehingga hampir-hampir hafal; dan juga menghafal nazam "Abda'u bismi Ilahi (ابدأ باسم الله والرحمن). Semuanya ini telah memakan masa kira-kira setahun atau setengah tahun lagi iaitu genap umurnya 8 atau 9 tahun, lebih kurang.

Maka dalam masa mempelajari sekalian inilah ia telah mulai tertarik gemar menulis-nulis. Tetapi oleh sebab ia belum diajar membaca Melayu ia hanya boleh menulis segala bacaan-bacaan sembahyang dan doa yang telah dihafalnya dengan bahasa Arab itu sahaja dengan tiada mengerti apa maknanya. Dilihatnya bapanya menulis dengan kalam segar (kabong); lalu ia pun membuat kalam segarnya sendiri pula, dan terkadang daripada ranting kayu kecil bulat sebesar batang kalam, dirautnya tajam ke sebelah hujungnya. Ini digunakannya untuk menulis dengan tidak payah pakai dakwat, iaitu dituliskannya kepada pangkal-pangkal pelepah anak pisang yang muda dan berkapor. Maka dalam rumpun-rumpun pokok pisang yang banyak ditanam di kekiling rumahnya itulah ia menghabiskan masanya bila terlepas dari perhatian ibunya atau bapanya. Jikalau ia tidak ada di atas rumah atau bermain-main di halaman panggillah dia, maka ia menyahut dari dalam rumpun pisang itu. Demikianlah sehari-hari kira-kira dua bulan lamanya, sehingga tidak ada tinggal satu pangkal pelepah anak pisang yang sampai oleh tangannya melainkan semua penuh dengan tulisannya seperti
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ مُحَمَّدٌ رَّسُوْلُ اللّٰهِ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ dan surat *al-Fatihah* hingga akhirnya, ayat *al-kursi*, doa-doa sembahyang, niat puasa dan lain-lain seumpama itu.

Belajar Membaca dan Menulis Melayu

Pada suatu hari (kira-kira 1903 atau 1904) ibunya telah berteriak memanggil dia; ia menyahut dari dalam rumpun pisang itu. Bapanya datang mengintai hendak melihat apakah yang dibuatnya di situ. Setelah dilihat oleh bapanya tulisan-tulisan itu orang tua itu pun berjanji akan membelikan "papan batu" bila ia ke (Kuala) Pilah sekali lagi. "Apakah papan batu?" Za'ba bertanya. "Engkau tengoklah bila aku dah belikan nanti", jawab bapanya: "boleh ditulis dengan kalam batu juga, kemudian boleh disapu hilang tulisan itu, dan ditulis lagi." Za'ba pun sangat suka.

Tidak lama lepas itu bapanya pun pergi "ke Pilah". Balikinya dibawakannya suatu loh batu berbingkai kayu, dengan kalam-kalam batunya sekali dan sebuah buku kecil bernama *Pemimpin Pengetahuan* karangan Syed Mahmud bin Abdul Kadir al-Hindi untuk anak-anak mulai belajar membaca Melayu dalam Darjah I. Ia pun diajar oleh bapanya تادي = ت. ا. د. ي. ا. في dan sebagainya, serta ia belajar huruf-huruf baharu ج خ غ ي لاري = ل. ا. ر. ي. ت. ا. ل. ي. yang tidak ada dalam huruf-huruf Quran. Dalam sebulan sahaja tamatlah buku itu di pelajarinya, dan ia pun bolehlah membaca Melayu lalu boleh menulisnya dengan meniru tulisan-tulisan dalam buku itu.

Dari sini ia mulai membaca buku *Pohon Pelajaran dan Jalan Kepandaian*, iaitu buku-buku bacaan untuk darjah II dan III zaman itu. Kemudian lalu membaca beberapa buah buku kecil-kecil yang tiada teringat lagi nama-namanya mengandungi cerita-cerita binatang, pendek-pendek sahaja. Ia terjumpa juga *Hikayat Abdullah* dan *Sejarah Melayu*, tetapi tidak gemar membacanya kerana ceritanya tidak sedap dan setengahnya ia tidak mengerti. Dari situ pula kemudiannya dia dapat membaca dua tiga buah kitab-kitab Jawi yang ianya sebagai cerita dari segi agama iaitu di antara beberapa buah "kitab" yang dalam simpanan bapanya.

Satu daripada kitab-kitab itu yang ia sangat gemar membacanya ialah sebuah kitab kecil bernama *Majmu' al-Fawa'ia wa'l-Khawa'is* (مجموع الفوائد والخواص) karangan Haji Abdullah bin Pulau Pinang dan dicetak di percetakan surat khabar *Cahaya Pulau Pinang*. Isinya mengandungi berbagai-bagai doa dan petik-petikan dari kata-kata ahli-ahli ilmu dan ahli-ahli fikiran Islam zaman dahulu, serta bermacam-macam petua pendek untuk keselamatan dunia dan akhirat.

Satu lagi kitab yang ia suka membaca ialah yang bernama *Taju'l-Mulk al-Murasya'bi'Durar* (تاج الملك المرصع بالدرر) menceritakan dari hal kejadian langit dan bumi, syurga-neraka, keadaan hal hari kiamat, dan lain-lain; dan juga memberi bermacam-macam petua ubat-ubatan dan berbagai-bagai azimat, fasal menengok langkah dan raksi laki isteri, melihat mujur malang daripada hitungan bulan, hari dan waktu dan bermacam-macam perkara lain. Hanya setengahnya ia tiada faham, sebab banyak memakai bahasa Aceh atau perkataan-perkataan Melayu seberang. Selalunya mana-mana yang ia tiada faham ditanyakannya kepada bapanya; tetapi dalam kitab ini bapanya sendiri pun tiada faham perkataan-perkataan yang ditanyakannya itu.

Lagi satu kitab yang ia suka membaca masa itu ialah sebuah kitab bernama *Kashfu'l-Ghaibiyah* (كشف الغيبية) ada lagi dalam simpanannya sekarang, 167 muka potong besar — karangan Shaikh-Abidin bin Muhammad Al-Fatani: Isinya menceritakan kejadian Nur Muhammad, kejadian Adam, darihal malaikat dan kejadian melaka'l-maut, cerita bagaimana melaka'l-maut mengambil nyawa, cerita hal ehwal dalam kubur, cerita roh datang ke kubur dan ke rumahnya, cerita dari hal syarat-syarat dan alamat-alamat hari hampir kiamat, iaitu menyebut kedatangan Imam Mahadi, keluar *Yajuj wa Ma'juj*, meluas *Dabbat al-ardh*, turun Nabi Isa, bertiup sangka-kala, cerita hal-hal yang terjadi pada hari kiamat, cerita-cerita dari hal neraka jahanam dan orang-orang yang dimasukkan ke dalamnya, cerita-cerita dari hal syurga dan penduduk-penduduknya pula. Sekalian ini sangat menggemarkan hatinya membaca. Di tepi kitab itu tercetak pula sebuah kitab lain bernama *Lubab al-Hadith* (لباب الحديث) yang asalnya bernama kitab *Shifa' al-Qulub* (شفاء القلوب) karangan wali Allah Shaikh Muhiyuddin, Aceh. Isinya mengandungi empat puluh bab pendek-pendek, dan dalam tiap-tiap satu bab atau diberi sepuluh hadis mengenai perkara bab itu.

Di antara hikayat-hikayat dan cerita-cerita Melayu yang terdapat kepadanya pada masa itu ialah *Hikayat Abu Nawas*, *Hikayat Muhammad Hanafiah*, *Hikayat Si-Miskin*, *Sha'er Siti Zubaidah*, dan sebuah buku kecil berisi cerita kelakar yang ia tiada teringat lagi namanya. Sekaliannya itu sangat mengasyikkan dia membaca, walaupun tidak faham semua perkataannya tetapi tertarik dengan ceritanya.

Selain daripada pelajaran membaca dan menulis (Jawi) ini adalah juga Jempol, jajahan Kuala Pilah, Negeri Sembilan, pada 16 September 1895 (bersamaan 26 Rabialawal Sannah Hijrah 1313 hari Isnin); dan di sanalah ia telah besar seperti budak-budak lain di kampung itu sehingga umurnya 12 tahun.

Ibunya seorang kampung yang tiada tahu membaca dan menulis, keturunan dari orang-orang suku Minangkabau (Sumatra) yang telah lama

Pada masa hal-hal yang diceritakan ini beliau adalah berumur kira 9 atau 10 tahun. Sudah pandai membaca Jawi, tetapi tiada tahu Rumi; dan bapanya sendiri pun tiada tahu tulisan Rumi selain daripada menyain namanya dengan berleengkak sedikit tiang *d*-nya itu kesebelah kiri. Tetapi kebetulan masa itu ada seorang saudara pupuan bapanya dari Linggi baharu tamat berlatih dalam Maktab Perguruan Melaka dan di antara mengajar di Sekolah Kuala Jempol tiga batu sebelah hilir rumah Za'ba itu; namanya Muhammad bin Dato' Muda. Ia selalu datang bertandang ke rumah Za'ba pada tiap-tiap malam Jumaat. Maka dialah diminta oleh bapanya itu mengajarkan huruf Rumi kepada Za'ba serta kaedah mengeja kata-kata Melayu dengan ejaan Rumi cara sekolah. Dalam sebulan dapatlah ia membaca Rumi yang senang-senang dan juga menulisnya sekali. Tetapi membaca Rumi tidak biasa, kerana tidak ada buku-buku Rumi yang hendak dibaca.

Sementara itu bukanlah pula ia belajar dan mengaji sahaja sepanjang hari, tiada pernah bermain. Dari masa ia mula-mula diajar mengaji Quran dahulu lagi ia sentiasa dibenarkan bermain. Dari masa ia mula-mula diajar mengaji Quran dahulu lagi ia sentiasa dibenarkan bermain-main dengan budak-budak lain dalam segala waktu-waktu yang lepas daripada mengaji dan belajarnya. Waktu yang terpakai dengan mengaji dan belajar itu sehabis banyaknya hanya 3 jam atau 4 jam sehari. Selain daripada itu semuanya ia bermain. Menulis-menulis pangkal pelepah pisang itu pun satu permainan kepadanya.

Di antara permainan-permainan yang memenuhi waktu kosongnya ialah menarik-menarik dan melaga-melaga "kerbau" yang dibuat dari ketul-ketul pelepah kelapa dan diberi bertanduk yang dibentuk dari tempurung kelapa; naik "kuda" yang dirupakan dari pelepah pinang masak, iaiti dipura-purkan pelepah pinang itu "kuda" dan berlari-larilah dengan "kuda" itu, warnanya yang kuning kemarah-marahan; bermain bulang-baling¹ iaitu sejenis permainan putaran angin yang berpusing dan mengeluarkan bunyi; bermain layang-layang daripada daun-daun atau kertas, atau pun layang-layang betul yang dibuat baik-baik daripada bilah-bilah buluh dijadikan rangka kemudian dilekatkan kertas berwarna-warna serta diberi berekor seperti burung dan berkambang-kumbang; bermain bomba air; bermain "letup-letup" dengan berpelurukan buah cenderai atau buah kendidai, bermain menyempit dengan sumpitan; bermain "pembuah", iaitu kerat-kerat kayu kecil sepanjang-sepanjang sehasta, dibuat pelontar buah atau dilecutkan kepada burung ataupun di lawan-lawankan antara sama budak-budak dengan memasang dan memangkahnya; bermain gasing. Maka tidaklah ada permainan bola seperti sekarang. Sepak raga hanya dimainkan di antara orang-orang yang

¹ Bulang-baling atau bembaling diperbuat daripada buluh atau kayu yang ada putaran angin, diraut jadi seperti papan kecil yang panjang, di tengah-tengahnya ditebuk serta diberi "gelonggang" dan pencucuk. Apabila dihadapkan kepada angin bertiup ia pun berpusing di atas gelonggang dan batang pencucuknya itu. Biasanya pada kedua-dua hujungnya dibubuh "sempilong" daripada buluh, mulut sempilong itu terhadap kaerah yang ia berpusing. Maka berbunyi sempilong itu seperti tabung dimasuki angin. Bulang-baling ini memainkannya ialah dengan dibawa berlari menghadap angin sahaja, ataupun ditegakkan pada pucuk pokok atau tiang yang tinggal dengan memakai kaki buluh yang dimasukkan pada pucuk tiang itu dan diberi berekor. Dengan demikian ia akan berkisar bila ditiup angin, dan bulang-baling itu pun menghadap kepada arah tempat datang angin, lalu ia pun berpusinglah.

sudah besar sahaja.

Lain daripada itu ada pula bermacam-macam "sport" jenis menangkap dan berburu: iaitu mengail ikan di lubuk-lubuk dan di sungai-sungai kecil; memasang tengkalak di sawah-sawah pada tempat-tempat perlepasan air dan di tebat-tebat; menimba lubuk pada masa musim kemarau untuk menangkap ikannya; membuat jerat-jerat burung di pokok-pokok kecil atau di paya-paya; memasang jerat denak (ayam hutan) dan membuat perangkap pelandok di dalam hutan-hutan di keliling rumah itu, dengan tidak merasa takut atau teringat ada harimau. Hal demikian berlanjutanlah hingga sampai pertengahan tahun 1907 waktu emaknya meninggal seperti tersebut tadi pada 22 haribulan Mei tahun itu.

Dalam bermain-main dan berjalan-jalan merata kampung, sawah dan belukar itu budak-budak di Kampung Za'ba pada zaman itu kalau baharu berumur dalam tujuh atau delapan tahun kebanyakannya tidaklah memakai seluar atau kain; hanya memakai baju sahaja: itu pun kadang-kadang tidak ada, tetapi songkok mesti ada. Kata orang tua-tua masa itu mempermain-mainkan mereka. Ada beratap sahaja, tidak berdingding dan berlantai. Atau ada beratap dan berbidai sahaja, tetapi tidak berdingding dan berlantai. Tetapi Za'ba selalu disuruh oleh bapanya memakai seluar.

Apabila dibuka sekolah Melayu yang pertama di Kampung Batu Kikir itu pada awal Julai 1907 (iaitu empat puluh hari selepas ibunya meninggal) Za'ba pun dimasukkan belajar dan terus duduk dalam darjah III sahaja. Murid-murid lain yang masuk bersama-sama dia, kira-kira delapan puluh orang semuanya kecil besar — setengahnya ada yang sudah berumur 15 tahun — semua terpaksa diletakkan dalam Darjah I. Semua mereka itu murid laki-laki; anak-anak perempuan tidak dibenarkan bersekolah masa itu. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan di bawah jagaan dua orang guru. Tetapi semuanya sama-sama belajar mengenal huruf dan mengikut guru membaca ramai-ramai: r-u = ru, s-a = sa, ru + sa dan sebagainya. Demikian pula pada Jawi.

Hanya Za'ba seorang sahaja yang Darjah III, dan yang demikian menjadikan kesusahan pula kepada kerja guru. Oleh itu apabila Guru Pelawat datang dan hal ini dimaklumkan kepadanya, maka diikhtiarkannya murid-murid Darjah III di Sekolah Kuala Jempol, siapa-siapa yang lebih dekat rumahnya ke sekolah Batu Kikir dipindahkan ke Sekolah Batu Kikir, supaya Za'ba dapat berkawan. Sementara itu diberinya Za'ba sebuah hikayat asyik ma'syuk bernama "*Hikayat Gul Bakawali*" atau *Puteri Bunga Wilayah Mala*", suruh baca.

Jauhnya sekolah Batu Kikir ini dari rumahnya di Bukit Kerdas jika ikut jalan lurus sahaja adalah kira-kira sebatu. Tetapi oleh sebab jalan yang ada itu berbelok-belok melalui kampung dan sawah dan menyeberang sungai dan tali air kerana belum ada jalanraya, maka hampirlah dua batu jauhnya. Pagi-pagi lagi kira-kira pukul enam budak-budak yang pagi bersekolah itu berteriak-teriak memanggil kawan-kawan sambil lalu itu dan berjalan dua tiga orang sekumpul. Terkadang habis basah-basah pakaian mereka kerana melalui dalam pokok-pokok padi dan jalan-jalan yang berlalang tebal yang masih basah berembun. Mulai belajar pukul 7.00 pagi.

Budak-budak yang jauh rumah adalah membawa nasi bungkus berlauk ikan kering, sambal dan lain-lain untuk dimakan segera apabila habis sekolah pada pukul 12 kelak. Maka Za'ba pun tidaklah ketinggalan daripada membawa nasi bungkus ini, dimakan bersama kawan-kawan dengan bertukar-tukar lauk di bawah pokok kayu di tepi jalan atau di tepi sungai dalam perjalanan pulang dari sekolah itu.

Bagaimanapun hanya kadar dua bulan sahaja ia bersekolah di Batu Kikir. Pada akhir bulan Ogos atau awal September itu ia dipindahkan oleh bapanya ke Linggi, iaitu tempat kampung bapanya sendiri hampir 60 batu dari Batu Kikir melalui Seremban, tetapi masih dalam Negeri Sembilan juga. Tujuannya dipindahkan itu kerana hendak diserahkan mengaji Arab dan Agama kepada seorang Tuan Guru yang alim di sana. Ia dimasukkan juga belajar dalam Sekolah Melayu Linggi dalam Darjah III juga. Akhir tahun (1907) itu masuk periksa; dalam tahun 1908 ia belajar Darjah IV, dan tahun 1909 Darjah V. Maka Darjah V itulah darjah pelajaran yang paling tinggi di Sekolah Melayu pada masa itu.

Sambil bersekolah Melayu itu di sebelah pagi ia diserahkan oleh bapanya belajar mahu (bahasa Arab) pula kepada tuan guru tersebut tadi di sebelah petang, iaitu belajar di rumah Tuan Guru itu sendiri kerana maksud bapanya hendak menghantar dia melanjutkan pelajaran agama di Mekah dan di Mesir; apabila baliknya kelak jadi Tuk Alim yang berjubah labuh dan berserban besar. Caranya belajar Arab kepada Tuan Guru itu ialah dengan menghafal matan-matan nahu, kemudian diberi makna Melayu oleh tuan guru sekadar yang boleh. Kemudian membaca kitab-kitab syarah atau hurian kepada matan-matan itu bersama-sama guru sedikit demi sedikit tiap-tiap hari. Ada pun kitab-kitab untuk bacaan yang sebenar ialah bicara ibadat dan fekah (fiqh). Tetapi hanya kadar sepuluh peratus sahaja faham yang didapati, kerana tidak memakai kamus atau mementingkan loghat iaitu erti-erti perkataan. Pendeknya fahaman yang 90 peratus lagi itu tidak diperolehi sehingga kemudian kelak setelah Za'ba belajar nahu Inggeris dan berkenalan dengan kamus Arab-Inggeirs, dan buku-buku nahu Arab dalam bahasa Inggeris.

Selalunya orang-orang Negeri Sembilan zaman itu menghantar anak-anak menghalusi pelajaran agama ialah ke Kedah: di sana masyhur sekolah-sekolah pondoknya. Sungguhpun di Terengganu, Kelantan, Perak, Bukit Mertajam dan lain-lain tempat ada juga sekolah-sekolah pondok dengan Tuk Gurunya masing-masing, tetapi orang-orang Negeri Sembilan zaman itu lebih biasa menghantar anak-anak mereka ke Kedah. Sebabnya kerana di sana padi menjadi dan anak-anak itu berlaku sebagai fakir dalam masa menuntut ilmu itu dengan bergantung nafkah kepada sedekah-sedekah zakat dan fitrah, istimewa jika pada musim padi. Setelah dua tiga tahun belajar di sana pulanglah mereka dengan bersifat "lebai". Pembacaan Qurannya pun sudah bertambah baik, dan ia sudah pandai membaca doa waktu kenduri-kenduri arwah. Setengah mereka sudah tahu berlagu-lagu kasidah, dan seorang berdua berangkali telah belajar sedikit-sedikit kaedah nahu bahasa Arab.

Tetapi bapa Za'ba tidak merasa perlu menghantar anaknya belajar agama ke Kedah itu! Di Linggi dari zaman dia kecil-kecil dahulu pun selalu

ada tuan guru agama yang alim: ada yang telah “menahun” menuntut ilmu hingga 18 dan 20 tahun di Mekah dan hingga sampai dapat mengajar dalam Masjid al-Haram. Kemudian ada yang pergi belajar ke Mesir pula sebelum balik turun “ke tanah Jawi”.

Seorang daripada orang-orang alim demikian telah hidup di Linggi dalam suku yang ketiga dan keempat daripada abad kesembilan belas — masa bapa Za’ba kecil-kecil. Ini ialah guru bapa Za’ba itu sendiri yang masyhur disebut “Tuan Din” (Haji Jamaluddin bin Haji Idris). Ia lama mengaji di Mekah, hingga ia telah berkahwin dengan anak seorang alim Kelantan di sana, dan beranakan Muhammad Said bin Jamaluddin yang akhirnya menjadi alim besar pula dan ialah yang biasa disebut “Tuan Said” di Negeri Sembilan.

Tuan Said ini dari mula-mula ia turun ke Jawi (yakni pulang ke Tanah Melayu) pada awal abad 20 ini telah dikenal di Selangor dan Negeri Sembilan sebagai seorang alim besar dan guru pengembang tarikat Ahmadiyah (Idrisiyah) serta ahli tasauf yang terkemuka, sehingga dah sampai masa meninggalnya di Seremban dalam tahun 1926. Kuburnya (maqamnya) di Jalan Ampangan, Seremban, telah dianggap sekarang sebagai “keramat”. Maka tuan Said inilah bapa kepada Tuan Shaikh Haji Ahmad, Mufti Negeri Sembilan yang baharu sahaja meninggal di Seremban pada awal tahun 1964 dahulu.

Tuan Din yang tersebut itu sendiri tatkala mula-mula kembalinya ke Tanah Jawi telah mengajar di Linggi; kemudian pergi ke tempat asal isterinya di Kelantan dan dari Kelantan lalu melarat pergi mengajar ke negeri Kemboja pula. Di Kemboja ini, menurut riwayatnya, ia telah termakan racun “santau” diberi oleh pihak orang-orang Kemboja yang memusuhi dia sebagai orang luar, lalu ia balik ke Tanah Melayu dan meninggal di Linggi. Seorang daripada murid Tuan Din ini di Linggi yang telah “menjadi” dan terkenal sebagai seorang alim yang sederhana alimnya ialah bernama Tuan Guru Abbas bin Zakaria. Ia sesaing dengan bapa Za’ba mengaji Arab dan agama kepada Tuan Din masa keduanya budak-budak dahulu. Maka kepada Tuan Guru Abbas inilah Za’ba telah diserahkan oleh bapanya mengaji Arab dan agama pula sebagaimana ia sendiri telah mengaji kepada Tuan Din dahulu.

Selain daripada Tuan Guru Abbas itu ada seorang alim besar pula di Linggi masa itu, yang Tuan Guru Abbas pun mengaji kepadanya sebagai menghalusi ilmu-ilmu bahasa Arabnya: namanya Tuan Mustafa bin Haji Ahmad. Ia telah mengaji di Mekah selama 18 tahun, dan sangat mahir dalam segala cawangan ilmu-ilmu bahasa Arab — nahu, saraf, bayan, ma’ani, balaghah, mantiq, ‘aruudh, dan sebagainya. Demikian juga dalam perkara-perkara ilmu usuluddin dan fekah; tetapi ia tidak gemar dan tiada tertarik kepada ilmu tasauf dan “tarikkat”nya. Ia telah kembali ke Tanah Jawi (Malaya) kemudian sedikit dari Tuan Said yang tersebut tadi, dan terus menetap berkahwin dan mengajar di Linggi tempat tumpah darahnya.

Maka oleh sebab ada orang-orang alim di Linggi ini — pada hal tidak pula kurang darjatnya daripada orang-orang alim di lain-lain tempat di Malaya — itulah sebabnya maka ayah Za’ba telah menghantar anaknya belajar Arab dan agama di Linggi sahaja untuk mendapat persediaan akan naik ke Mekah dan kemudian ke Mesir.

Tetapi sayangnya semua orang-orang alim tersebut itu adalah jenis alim cara lama belaka, tidak sesuai lagi perjalanan ilmunya dan pemandangan hidupnya dengan kehendak-kehendak yang mustahak bagi keselamatan Islam dan kejayaan pengikut-pengikutnya dalam dunia zaman moden yang telah berubah dan berlainan hal pada serba-serbinya ini. Orang-orang alim cara lama demikian samalah seperti kebanyakan orang-orang alim yang didapati di negeri-negeri Islam lain-lain masa itu — iaitu mereka yang terkongkong dan terbelenggu fikirannya kepada jalan-jalan pemahaman lama yang telah beku semenjak beberapa ratus tahun. Mereka tidak berani bergerak dari tempat lama itu dan tiada upaya menampak dan mengeluarkan apa-apa perkara yang baharu dan berguna daripada al-Quran itu sekira-sekira berlayak dan sesuai dengan kemahuan dan kemajuan ilmu zaman ini pula.

Di Sekolah Melayu Za'ba telah maju dengan pantas ke Darjah IV dan V. Maka dalam masa dua tahun (1908—1909) ia belajar dalam darjah-darjah tersebut, kegemarannya dan kecenderungannya yang khas dalam bahagian bahasa, karang-mengarang dan persuratan telah bertambah tumbuh dengan suburnya. Ia sangat gemar membaca hikayat-hikayat dan syair-syair cara lama, yang ada didapati sebanyak sedikit tersimpan dalam simpanan orang tua-tua di Linggi masa itu dan boleh dipinjam untuk membacanya. Cerita-cerita jin, pari, mambang, kejadian ajaib-ajaib, kesaktian, dewa-dewa kayangan, dan sebagainya yang tersebut dalam hikayat-hikayat dan syair-syair itu sangat menarik hatinya sebagai seorang budak — iaitu cerita-cerita yang berasal setengah-tengahnya dari Jawa, setengah dari India, setengah dari Farsi dan setengah dari Arab.

Pendeknya di Linggilah ia mula-mula telah berkenalan dengan *Hikayat Bistamam*, *Hikayat Indera Mengindera*, *Hikayat Ganja Mara*, *Hikayat Shah Kobat*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Saif dzi Yazan*, *Hikayat Shamsul-Bahrin*, *Hikayat Bahadta Yuda*, *Hikayat Panji Sumirang*, *Hikayat Misa Perbu Jaya*, *Hikayat Sang Samba* (atau *Hikayat Maharaja Boma*), *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Merong Maha Wangsa*, *Hikayat Isma Yatim*, *Hikayat Bakhtiar*; *Syair Dandan Setia*, *Syair Jeragan Budiman*, *Syair Selendang Delima*, *Syair Harith Fadhillah*, *Syair Bidasari*, *Syair Yatim Nestapa (Mustafa)*, dan *Syair Ken Tebohan*. Juga *Hikayat Robinson Crusoe* (terjemahan); dan hikayat-hikayat warisan lama Melayu yang diceritakan dari mulut ke mulut sahaja dan dikumpul lalu diterbitkan oleh Winstedt dan kawan-kawannya, seperti *Cerita-cerita Sang Kancil*, *Cerita-cerita Jenaka*, dan *Hikayat Pelandok Jenaka*, *Anggun Che' Tunggal*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Malin Dewa*, *Hikayat Awang Sulong*, *Hikayat Raja Muda*, dan sedikit-sedikit yang lain.

Tetapi ia sangat merasa kesal dan tidak puas hati kerana tidak dapat membaca suratan-suratan yang dilihatnya pada kertas-kertas pembungkus bersepah-sepah dijumpai pada merata-merata tempat itu, kerana sekalian itu dalam bahasa Inggeris. Ia hanya dapat memerhatikan dalam surat-surat kertas pembungkus itu terlalu banyak terdapat perkataan "the" dan dibunyikannya perkataan itu *tehi* (تهی), serta merasa pelik apakah ertinya?



Za'ba Masa Muda